
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JKP 315 – Politik Masyarakat Majmuk

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. Berdasarkan analisis Eric A. Nordlinger, bincangkan proses pembentukan konflik dan kaedah-kaedah kawalan konflik dalam masyarakat majmuk dengan contoh-contoh yang berkaitan.

(100 markah)

2. Huraikan empat ciri utama “demokrasi permuafakatan” (consociational democracy), dan kemudian bincangkan sama ada demokrasi permuafakatan masih relevan dalam politik pasca-1969 di Malaysia.

(100 markah)

3. Pendekatan asimilasi dan integrasi merupakan dua pendekatan yang berbeza yang biasanya digunakan untuk menyelesaikan “masalah etnik minoriti” dalam masyarakat majmuk. Bincangkan aplikasi pendekatan-pendekatan tersebut serta keberkesanannya di negara-negara (selain Malaysia) yang layak dikategorikan sebagai “majmuk.”

(100 markah)

4. Bincangkan sifat-sifat parti politik etnik dan parti politik multi-etnik dalam politik masyarakat majmuk. Mengapakah parti politik etnik akan menghadapi kesukaran yang besar dalam proses transformasi kepada parti politik multi-etnik dalam masyarakat majmuk?

(100 markah)

5. “Dalam dunia baru ini, konflik-konflik yang paling meluas, penting, dan bahaya bukanlah konflik antara kelas-kelas sosial, golongan kaya dan miskin, atau kumpulan-kumpulan ekonomi yang lain, tetapi antara manusia yang berasal dari entiti-entiti budaya yang berbeza.” (Samuel P. Huntington)

Bincangkan pernyataan di atas.

(100 markah)